

# 236 kumpulan perintis KUIM terima ijazah

HM  
29/7/03

KUALA LUMPUR: Seramai 236 penuntut yang menjadi kumpulan perintis Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) akan dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian pada Majlis Konvokesyen Pertama KUIM di Dewan Perdana Felda, Jalan Semarak, di sini, pada 9 Ogos ini.

Sehari sebelum itu, Majlis Santapan Sempena Pemasyhuran Pelantikan Canselor akan diadakan di Hotel Palace of the Golden Horses.

Pada majlis itu, Tuanku Ampuan Negeri Sembilan, Tuanku Najihah Al-Marhum Tunku Besar Burhanuddin dimasyhurkan sebagai Canselor Pertama KUIM oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Dr Mahadzir Mohd Khir.

Pengerusi Lembaga Pengarah KUIM, Tan Sri Dr Mohd Yusoff Nor berkata, tiga penuntut KUIM mencatat sejarah universiti itu iaitu dua daripada Fakulti Pengajian Qur-



**YUSOFF NOR...tiga penuntut kelas pertama**

an dan Sunnah serta seorang dari Fakulti Syariah dan Undang-Undang mendapat Kejujian Kelas Pertama.